



SIARAN MEDIA

KPKT PERKASA AGENDA LANDSKAP LESTARI, LAKSANA 80 PROJEK BAHARU PADA 2026

MELAKA, 9 Ogos 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) akan terus memperkukuh agenda pembangunan landskap negara dengan melaksanakan **80 projek landskap baharu di seluruh negara pada tahun 2026**, selaras dengan pelaksanaan **Dasar Landskap Negara 2.0** dan aspirasi Malaysia MADANI ke arah mewujudkan negara yang mampan serta berdaya huni.

Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu berkata, pembangunan landskap kini bukan lagi sekadar usaha memperindah kawasan perbandaran, malah menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar serta pertumbuhan ekonomi komuniti.

Menurut beliau, landskap yang dirancang dan diurus secara sistematik mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui penyediaan ruang rekreasi yang kondusif, memperkukuh interaksi sosial serta membantu mengurangkan kesan perubahan iklim khususnya di kawasan bandar.

"Usaha melandskapkan negara merupakan satu pelaburan jangka panjang yang bukan sahaja memberi pulangan kepada ekonomi, malah menyumbang kepada kesejahteraan sosial, kesihatan rakyat dan kelestarian ekologi negara," katanya ketika berucap pada **Majlis Penyampaian Hadiah dan Penghargaan sempena Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2026 di Stadium Hang Jebat, Krubong**, hari ini.

Beliau berkata, sehingga kini kerajaan telah membangunkan **lebih 2,000 projek landskap** di seluruh negara meliputi taman awam, landskap perbandaran, taman botani serta Taman Rekreasi MADANI bagi menyediakan persekitaran yang lebih hijau, selesa dan berkualiti untuk dinikmati rakyat.

Pembangunan kemudahan seperti taman poket di kawasan bandar turut memberi impak positif dalam mengurangkan suhu persekitaran secara mikro, di samping meningkatkan daya tarikan kawasan awam yang seterusnya merancakkan aktiviti ekonomi setempat.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa kejayaan agenda landskap negara memerlukan komitmen berterusan semua pihak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kerajaan negeri, pemaju, pemain industri serta komuniti.

"Kerajaan boleh membangunkan taman dan menanam pokok, namun usaha memelihara, mengurus dan mengekalkan landskap memerlukan rasa tanggungjawab bersama agar setiap pelaburan yang dibuat terus memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang," katanya

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Jabatan Landskap Negara (JLN) serta semua rakan strategik atas komitmen menjayakan Sambutan Hari Landskap Negara 2026 yang bertemakan **"Landskap Lestari, Malaysia MADANI"**.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang pelbagai kategori pertandingan sempena HLN 2026 yang melibatkan penyertaan PBT, industri landskap, institusi pengajian tinggi, hotel dan resort, sekolah rendah, sekolah menengah, kampung tradisional serta kampung baharu Cina. Turut disampaikan ialah sijil penghargaan kepada rakan strategik yang telah menyumbang kepada kejayaan penganjuran tahun ini.

Beliau berkata, pengiktirafan yang diberikan mencerminkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan landskap sebagai elemen penting dalam pembangunan negara.

Pada masa sama, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pemenang serta merakamkan penghargaan kepada Jabatan Landskap Negara, panel penilai, rakan strategik dan semua peserta yang menjayakan HLN 2026. Beliau berharap momentum yang diwujudkan menerusi sambutan ini akan terus memperkukuh budaya menghijaukan negara melalui penglibatan aktif semua pihak, sekali gus menyokong aspirasi Malaysia menjadi sebuah negara yang hijau, lestari, berdaya huni dan mampan untuk generasi akan datang.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Haji Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, Yang Berusaha Tuan Mansor bin Mohamad, Ketua Pengarah JLN, Yang Berbahagia Datuk Haji Shadan bin Haji Othman, Datuk Bandar MBMB serta pegawai-pegawai JLN, MBMB dan KPKT.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh :
Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
KPKT